

Tiada suaka politik untuk Misuari

BM 2 0 DEC 2001

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia menolak permohonan pemimpin Barisan **Pembebasan** **Kebangsaan** Moro (MNLF), Nur Misuari, untuk **menda**pat suaka politik sementara sebelum dihantar ke negara ketiga.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed **Hamid** **Albar**, berkata masa untuk memohon suaka politik sudah tidak sesuai kerana Malaysia sudah **berse**tuju dan berjanji menghantarnya pulang.

"Demi menjaga hubungan dua **hala** **Malaysia**-**Filipina** dan kerjasama anggota **Asean** kita tetap **pe**nuhi **janji** menghantar Misuari pulang ke Filipina.

"Keputusan untuk menghantar pulang bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao sudah dibuat selepas dia ditahan memasuki **ne**gara **ini** **tanpa** dokumen perjalanan sah," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau **mengulas** tindakan peguam **Misuari** **meng**hantar surat keada Datuk Seri Dr Mahathir. **Mo**hamad memohon suaka politik sementara **se**belum dihantar ke negara ketiga.

Misuari yang menghadapi tuduhan **pe**mberontakan di Manila, ditahan pihak berkuasa Malaysia kerana **cuba** **memasuki** negara **ini** secara **haram** melalui **pe**rairan Sabah 24 November lalu selepas melancarkan Demberontakan **di** selatan **Filipina**.

Peguamnya, Elly Pamatong dtlaporkan **ber**kata, beliau menulis **ke**pada Perdana Menteri **me**mintanya **me**memberi **ma**sa **lagi** berikutan tarikh **akhir** penghantaran pulang Misuari 24 Disember **ini**, **se**makin hampir.

Syed **Hamid** berkata, Malaysia tetap menghantar pulang **dan** **terse**rah kepada Kerajaan Filipina **un**tuk membenarkan Misuari memohon suaka **po**litik di negara ketiga.

"**Per**dana Menteri sudah member-i persetujuan untuk menghantar balik Misuari dan **ba**gi **me**menuhi janji itu, **ki**ta **ti**da akan membenarkan persetujuan berkenaan d **ta**rik **ba**lik," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa Malaysia dan Filipina sedang berusaha untuk menghantar **pu**lang Misuari seberapa segera.

Ditanya apakah pemimpin MNLF itu diberi **la**yanan istimewa sepanjang tahanan, Syed **Hamid** berkata, dia ditahan mengikut prosedur **bi**asa.

"**A**pa yang penting **ki**ta menjalankan siasatan, **me**memberi kerjasama **se**suai kepada pasukan **ke**selamatan Filipina **dan** menjaganya sebagai **ta**hanan **bi**asa," katanya.

Sementara itu, Timbalan **Per**dana Menteri, Datuk **Seri** **Abdullah** **Ahmad** Badawi, ketika ditemui **di** **ru**mah terbuka Aidilfitri besannya, Datuk **Abdullah** **Omar** **di** Muar bagaimanapun enggan mengulas perkara itu.